

Tengku Mahkota Johor canselor KUiTTHO

TENGGU Mahkota Johor, **Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar** dilantik canselor pertama Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) untuk jangka masa lima tahun, berkuat kuasa 1 Disember tahun lalu.

Pelantikan baginda adalah selaras dengan kenaikan taraf KUiTTHO menjadi sebuah kolej universiti pada 27 September 2000.


Menurut Rektor KUiTTHO, Profesor Dr. Ismail Bakar, surat pelantikan itu telah diserahkan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah KUiTTHO, Tan Sri Shamsuddin Abdul Kadir di Istana Pasir Pelangi, Johor Bahru pada 6 Jun lalu.

"Baginda telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembangunan KUiTTHO," katanya di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

Menurut Shamsuddin, sehingga kini terdapat seramai 5,100 orang pelajar termasuk 1,200 pelajar baru sedang mengikuti program peringkat ijazah dan diploma yang ditawarkan oleh kolej berkenaan.

Seramai 331 orang dari jumlah pelajar yang ada sekarang sedang mengikuti program pengajian peringkat ijazah sarjana dan doktor falsafah, katanya.

Kolej universiti berkenaan juga kata Dr. Ismail, turut menawarkan program pengajian sains dan tekno-



TUNKU IBRAHIM ISMAIL
SULTAN ISKANDAR

logi kepada para pelajar.

Sementara itu, seramai 500 orang graduan KUiTTHO yang mengikuti pengajian peringkat diploma dan ijazah akan hadir pada majlis konvokeyen pertama di dewan besar kolej universiti berkenaan pada 19 Ogos depan.

KUiTTHO merupakan IPTA kedua yang beroperasi di Johor selepas Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Institusi pengajian tinggi berkenaan menawarkan 11 program pengajian peringkat ijazah sarjana muda dan tujuh program peringkat diploma.